

## **PENGGUNAAN RUMUS “BaBUT” DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BERKAITAN DENGAN NILAI-NILAI MURNI MURID TAHUN EMPAT**

Oleh

**Mohammad Habibullah bin Abu Seman**  
**integratedsoul666@gmail.com**

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran mengarang seorang murid Tahun Empat dalam menulis karangan Bahasa Melayu dengan menggunakan rumus “BaBUT”. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membantu menambah baik amalan pengajaran saya melalui penggunaan rumus “BaBUT”. Pelaksanaan tindakan kajian ini adalah melalui latihan berperingkat, disusuli dengan penerangan rumus “BaBUT” dan latihan karangan. Data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan. Triangulasi sumber dan triangulasi kaedah digunakan untuk menyemak data. Hasil analisis kajian menunjukkan penggunaan rumus “BaBUT” berjaya membantu peserta kajian meningkatkan kemahiran menulis karangan berkaitan nilai-nilai murni di samping menambah baik amalan pengajaran saya dari aspek penulisan karangan.*

*Kata kunci: Murid Tahun Empat, rumus “BaBUT”, menulis karangan, karangan nilai murni.*

### **ABSTRACT**

*This action research was done carried out to improve the Malay language composition writing skills of a Year 4 pupil by using the “BaBUT” formula. This research was also carried out to improve my teaching practice using the “BaBUT” formula. This action in this research was carried out using progressive method, followed by the explanation of the “BaBUT” formula and writing exercises. Data were collected through observations, interviews and documents analysis. Data were then analyzed using content analysis. The triangulation of the sources and methods were used to check the data. The result from this action research showed that “BaBUT” formula helped the pupil to improve her composition writing skills. It also improved my teaching practice, specifically on writing Malay Language composition.*

*Keywords: Year Four pupil, “BaBUT” formula, composition writing, composition related to values*

## KONTEKS


### Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Saya merupakan seorang guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPG KBL), Kuching diambil Januari 2009. Pada semester ketujuh, saya telah menjalani fasa praktikum ketiga di Sekolah Kebangsaan Ong Tiang Gol (pseudonim) yang terletak di tengah bandar raya Kuching dan lokasi sekolah ini juga terletak berhampiran dengan IPG KBL. Saya diberikan amanah untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu untuk Tahun 4 Biru. Bagi mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan pula, saya diberi amanah untuk mengajar kelas Tahun 4 Coklat. Jumlah murid bagi kelas 4 Biru ialah 36 orang manakala jumlah murid bagi 4 Coklat ialah 32 orang.

Pada praktikum fasa ketiga, saya berpeluang untuk membantu murid-murid saya meningkatkan kemahiran mereka untuk menulis karangan bahagian C dengan menggunakan rumus BaBUT. Saya memilih untuk menguji rumus "BaBUT" untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran menulis karangan Bahagian C yang berkaitan dengan mentafsir maklumat dalam petikan mengenai nilai-nilai murni dan memindahkannya dalam bentuk karangan. Karangan Bahagian C sememangnya amat penting kerana ianya mempengaruhi markah ujian murid. Oleh itu, amat penting bagi murid untuk menguasai penulisan karangan Bahagian C.

### Fokus Kajian

Semasa minggu keempat praktikum, saya telah melaksanakan ujian pengesanan awal dan pemerhatian terhadap murid-murid yang saya ajar dalam kelas 4 Biru. Ujian saringan yang saya jalankan merangkumi latihan menulis karangan Bahagian C, Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Berdasarkan ujian saringan tersebut, saya telah memilih seorang murid yang paling lemah yang saya namakan Flora (pseudonim). Rajah 1 menunjukkan hasil kerja yang dibuat oleh Flora dalam ujian saringan pada 22 Februari 2012.



Rajah 1. Hasil kerja Flora dalam ujian saringan (22 Februari 2012).

Berdasarkan ujian saringan ini, saya mendapati Flora mempunyai masalah menulis karangan Bahagian C. Saya berasa bertanggungjawab untuk membantunya dan saya perlu membantunya dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan Bahagian C, penulisan Bahasa Melayu UPSR.

### Objektif Kajian

Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/  
27 & 28 September 2012/ IPG KBL

Objektif penyelidikan tindakan ini adalah untuk :

- meningkatkan kemahiran menulis karangan berkaitan nilai-nilai murni murid Tahun Empat melalui penggunaan rumus “BaBUT”, dan
- menambah baik amalan sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) kemahiran menulis karangan berkaitan nilai-nilai murni melalui penggunaan rumus “BaBUT”.

### **Persoalan Kajian**

Penyelidikan ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut.

- Bagaimanakah penggunaan rumus BaBUT dapat membantu meningkatkan kemahiran menulis karangan berkaitan nilai-nilai murni Flora?
- Bagaimanakah penggunaan rumus BaBUT dapat membantu menambah baik amalan pengajaran saya dalam membantu meningkatkan kemahiran menulis karangan Flora?

### **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

Tinjauan terhadap kajian lepas (contoh, Fatimah Embong, 2008; Assrudi Musa, 2010) menunjukkan penggunaan teknik yang khusus dalam mengajar karangan dapat membantu murid menghasilkan karangan dengan lebih baik dan sistematik.

Berdasarkan data awal yang dikumpul, saya telah membahagikan langkah pelaksanaan tindakan kepada tiga peringkat. Peringkat yang pertama ialah latihan berperingkat. Dalam latihan berperingkat ini, saya memberikan latihan yang berkaitan dengan pengenalanpastian nilai-nilai murni dalam bahan rangsangan. Peringkat kedua dalam langkah pelaksanaan tindakan saya ialah penerangan rumus “BaBUT” kepada Flora. Saya telah memberikan penerangan kepada Flora mengenai konsep rumus “BaBUT” dan cara penggunaannya. Peringkat ketiga dalam langkah pelaksanaan tindakan saya ialah latihan karangan. Peringkat ini digunakan untuk mengkaji tahap kefahaman Flora terhadap penggunaan rumus “BaBUT”.

### **METODOLOGI**

#### **Peserta Kajian**

Flora merupakan peserta kajian saya untuk penyelidikan tindakan ini. Flora seorang murid perempuan dari kelas 4 Biru. Dia seorang murid yang pendiam. Flora merupakan murid yang lemah dalam menulis karangan Bahagian C. Saya juga merupakan peserta kajian untuk penyelidikan tindakan yang ingin menambah baik amalan p&p subjek Bahasa Melayu saya.

#### **Etika Penyelidikan**

Sebelum memulakan penyelidikan, pihak IPG KBL telah memberikan surat kepada pihak pengurusan SK Ong Tiang Gol untuk meminta kebenaran secara formal. Saya juga telah memberikan surat kebenaran menjalankan penyelidikan untuk ditandatangani oleh Flora dan ibu bapanya.

### Teknik Mengumpul Data

Saya telah menggunakan tiga kaedah mengumpul data untuk penyelidikan tindakan ini iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

### Pemerhatian

Teknik pertama yang digunakan ialah melalui pemerhatian. Semasa melakukan pemerhatian, saya telah mencatat nota lapangan berdasarkan situasi atau aktiviti yang dilakukan.

### Temu bual

Temu bual yang saya jalankan ialah temu bual separa berstruktur kerana peserta kajian saya kurang memahami beberapa soalan dan ia memudahkan saya untuk bertanya soalan lain.

### Analisis dokumen


Teknik terakhir yang saya gunakan ialah analisis dokumen. Melalui latihan yang disediakan oleh Flora, saya dapat menganalisis hasil kerjanya untuk mendapatkan data yang diperlukan.

### Teknik Menganalisis Data

Saya telah menggunakan dua teknik menganalisis data. Antara teknik menganalisis data yang saya gunakan ialah analisis kandungan dan analisis pola.

### Analisis kandungan

Untuk analisis kandungan, saya telah menganalisis setiap hasil kerja yang dibuat oleh Flora. Saya juga meminta guru pembimbing untuk menyemak hasil kerja Flora dan memberikan komen. (Silalah rujuk Rajah 2)



Rajah 2. Hasil kerja Flora (12 April 2012).

Penyemakan dari guru pembimbing memudahkan saya untuk membandingkan cara pemarkahan dan mengetahui pendapat guru pembimbing tentang tahap pencapaian Flora melalui hasil kerja yang disiapkannya.

### Analisis pola

Analisis pola telah saya gunakan untuk mencatat serta membandingkan beza markah yang diperolehi Flora untuk setiap latihan karangan yang telah dilakukannya. Saya telah membuat senarai semak hasil kerja Flora dalam bentuk jadual. (Silalah rujuk Rajah 3)

Bil	Latihan (Tarikh)	Bilangan Nilai Murni yang Dinyatakan	Penggunaan Penanda Wacana (Ya/Tidak)	Perkaitan Antara Nilai Murni dengan Contoh	Markah	Catatan
1	Latihan karangan 1 (30/3/12)	3	Ya	Ada	10	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan penanda wacana masih kurang.</li> <li>Nilai murni kurang.</li> <li>Masih boleh diperbaiki</li> </ul>
2	Latihan karangan 2 (5/4/12)	5	Ya	Ada	16	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sudah ada peningkatan.</li> <li>Kesalahan kecil seperti tidak menggunakan huruf besar di awal ayat.</li> </ul>
3	Latihan karangan 3 (12/4/12)	5	Ya	Ada	18	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dapat hasilkan karangan yang baik.</li> <li>Penggunaan penanda wacana yang baik.</li> <li>Nilai dapat dikaitkan dengan contoh.</li> </ul>

Rajah 3. Jadual analisis pola latihan karangan.

Analisis pola tersebut saya gunakan untuk mencatat markah serta perkara-perkara yang berkaitan dengan hasil kerja untuk setiap latihan karangan yang diberikan.

### Teknik Menyemak Data

Untuk menyemak data, saya telah menggunakan dua kaedah iaitu triangulasi kaedah dan triangulasi sumber.

### Triangulasi kaedah

Dalam triangulasi kaedah, saya telah menggunakan temu bual, pemerhatian dan nota lapangan untuk menyemak data. Rajah 4 menunjukkan hasil temu bual saya bersama dengan Flora.

Saya	Antara tiga karangan yang awak buat, mana karangan yang awak rasa paling baik?
Flora	Yang ni. (sambil menunjukkan kertas karangan ketiga)
Saya	Susah tak guna rumus BaBUT?
Flora	Tak. (sambil tersenyum)
Saya	Dalam ujian awak nak guna tak rumus ni?
Flora	Guna.
Saya	Kenapa?
Flora	Sebab senang nak ingat. (sambil tersenyum)

Rajah 4. Transkrip temu bual bersama Flora (12 April 2012).

## REFLEKSI DAPATAN

- **Bagaimanakah penggunaan rumus BaBUT dalam penulisan karangan Bahagian C dapat membantu Flora meningkatkan kemahiran menulis karangan?**

Setelah menjalankan ujian saringan, saya mendapati Flora menghadapi masalah dalam menulis karangan nilai murni kerana tidak berjaya mendapat markah yang baik berbanding rakan sekelasnya yang lain. Oleh itu, saya merasa bertanggungjawab untuk membantu Flora meningkatkan kemahiran menulis karangan nilai murni.

Sebagai inisiatif untuk membantu Flora, saya telah menggunakan rumus BaBUT untuk membantu Flora meningkatkan kemahiran menulis karangan nilai murni. Dalam melaksanakan penyelidikan, saya telah menjalankan tiga peringkat pelaksanaan tindakan iaitu latihan berperingkat, penerangan rumus “BaBUT” dan latihan karangan. Rajah 5 menunjukkan hasil kerja Flora untuk latihan berperingkat.

Latihan 1	Latihan 2	Latihan 3	Latihan 4
<p>Latihan 1: Mendeskripsikan objek yang berbeza-beda</p> <p>1. Nyatakan satu objek yang berbeza-beda dari segi bentuk, saiz, warna dan lain-lain.</p> <p>2. Hala-hala: "Rasa tidak senang jika kita melihat orang lain melakukan kesalahan."</p> <p>3. Uraikan mengapa kita harus berhati-hati dalam melakukan kesalahan.</p> <p>4. Uraikan bagaimana kita dapat mengelakkan kesalahan.</p>	<p>Latihan 2: Menentukan nilai murni yang sesuai berdasarkan petikan ayat.</p> <p>1. Dia mendidik setiap hari. Nilai murni: <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p> <p>2. Dia membolehkan kepala guru yang sedang berpuas hati. Nilai murni: <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p> <p>3. Aku membuat ayah diladang. Nilai murni: <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p> <p>4. Sebelum pulang, Ayah berbondan dengan ibu. Nilai murni: <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p> <p>5. Semua orang itu datang ke dalam jenggang. Nilai murni: <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p> <p>6. Siti membuat paksi sekolahnya. Nilai murni: <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p> <p>7. Tanpa lebih-caga, kerusi mengoyak. Nilai murni: <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p>	<p>Latihan 3: Menulis nilai murni bagi setiap ayat yang diberikan.</p> <p>1. Bangun awal pagi. <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p> <p>2. Membuat tugas menyayur-sayur. <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p> <p>3. Bersikap berhemah-hemah. <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p> <p>4. Berselamat dengan ayah dan ibu. <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p> <p>5. Menikahlah. <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p> <p>6. Menyapa atau mengucapkan salam. <math>2 \times 1 = 2</math> (2 markah)</p>	<p>Latihan 4: Menulis karangan dengan formula tertentu yang berkenaan dengan petikan.</p> <p>Arahan: Menulis karangan yang panjang 100-120 kata mengenai petikan tersebut.</p> <p>Latihan 4: Menulis karangan dengan formula tertentu yang berkenaan dengan petikan.</p>

Rajah 5. Hasil kerja Flora untuk latihan berperingkat.

Dalam latihan berperingkat, Flora dapat menjawab semua soalan latihan dengan betul untuk latihan pertama dan latihan kedua. Walau bagaimanapun, Flora tetap melakukan kesilapan pada latihan ketiga dan keempat. Saya dan Flora telah berbincang bagi memperbetulkan kesilapan tersebut.

Peringkat kedua dalam langkah pelaksanaan tindakan saya ialah memberikan penerangan tentang penggunaan rumus “BaBUT” kepada Flora. Rumus “BaBUT” merupakan akronim daripada 4 perkataan. Akronim “Ba” membawa maksud baca, huruf “B” membawa maksud baris, huruf “U” membawa maksud ubah dan huruf “T” membawa maksud tulis. Untuk teknik baca, Flora dikehendaki membaca petikan

teks atau bahan rangsangan yang diberikan. Rajah 6 menunjukkan contoh petikan teks yang telah saya gunakan untuk menguji kemahiran membaca Flora.

Tulis beberapa pengajaran yang boleh kamu dapati daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Di sebuah kampung tinggal sepasang suami isteri yang sombong iaitu Pak Abu dan Mak Busu. Mereka tidak mahu bercampur dengan masyarakat kampung yang lain. Oleh itu, mereka telah dipulaukan oleh masyarakat kampung tersebut.

Pada suatu hari, Pak Abu jatuh sakit. Mak Busu memanggil bomoh untuk merawat suaminya, tetapi bomoh tersebut enggan datang ke rumahnya. Kemudian, Mak Busu pergi ke rumah pawang pula untuk meminta pertolongan tetapi hampa juga.

Akhirnya Mak Busu pergi ke rumah ketua kampung. Dia menceritakan apa yang terjadi kepada suaminya. Ketua kampung segera memberikan bantuan dan menasihati Mak Busu supaya tidak lagi bersikap sombong. Hidup dalam sesebuah kampung hendaklah seperti aur dengan tebing.

Rajah 6. Petikan teks yang digunakan untuk menguji kemahiran membaca Flora.

Setelah menguji kemahiran membaca Flora dengan menggunakan teks tersebut, saya mendapati Flora dapat membaca dengan lancar dan tanpa sebarang masalah. Oleh itu, pelaksanaan bagi pecahan pertama rumus BaBUT dapat saya laksanakan dengan jayanya.

Untuk teknik baris pula, saya menerangkan kepada Flora bahawa dia mestilah mencari kata kunci dalam petikan teks dan seterusnya meletakkan baris di bawah kata kunci tersebut. Rajah 7 menunjukkan hasil kerja Flora untuk teknik baris ini.

<p>Di sebuah kampung tinggal sepasang suami isteri yang sombong iaitu Pak Abu dan Mak Busu. Mereka tidak mahu bercampur dengan masyarakat kampung yang lain. Oleh itu, mereka telah dipulaukan oleh masyarakat kampung tersebut. <i>↳ sombong</i></p> <p>Pada suatu hari, Pak Abu jatuh sakit. Mak Busu memanggil bomoh untuk <i>↳ merawat</i> suaminya, tetapi bomoh tersebut enggan datang ke rumahnya. Kemudian, Mak Busu pergi ke rumah pawang pula untuk meminta pertolongan tetapi hampa juga.</p> <p>Akhirnya Mak Busu pergi ke rumah ketua kampung. Dia menceritakan apa yang terjadi kepada suaminya. Ketua kampung segera <i>↳ memberikan bantuan</i> dan menasihati Mak Busu supaya tidak lagi bersikap sombong. Hidup dalam sesebuah kampung hendaklah seperti aur dengan tebing. <i>↳ suka menolong</i></p>	<p>Ayat-ayat yang telah digariskan oleh Flora</p>
--	---

Rajah 7. Hasil kerja Flora untuk teknik baris.

Berdasarkan hasil kerja Flora yang ditunjukkan dalam Rajah 7, saya mendapati Flora dapat mencari kata-kata kunci atau ayat-ayat penting dalam petikan teks. Untuk teknik ubah pula, Flora dikehendaki menukar kata kunci atau ayat penting yang ditemuinya ke dalam bentuk ayatnya sendiri. Rajah 8 menunjukkan hasil kerja Flora untuk teknik ubah.

<p>Di sebuah kampung tinggal sepasang suami isteri yang sombong iaitu Pak Abu dan Mak Busu. Mereka tidak mahu bercampur dengan masyarakat kampung yang lain. Oleh itu, mereka telah dipulaukan oleh masyarakat kampung tersebut. <i>↳ sombong</i></p> <p>Pada suatu hari, Pak Abu jatuh sakit. Mak Busu memanggil bomoh untuk <i>↳ merawat</i> suaminya, tetapi bomoh tersebut enggan datang ke rumahnya. Kemudian, Mak Busu pergi ke rumah pawang pula untuk meminta pertolongan tetapi hampa juga. <i>↳ peramah</i></p> <p>Akhirnya Mak Busu pergi ke rumah ketua kampung. Dia menceritakan apa yang terjadi kepada suaminya. Ketua kampung segera <i>↳ memberikan bantuan</i> dan menasihati Mak Busu supaya tidak lagi bersikap sombong. Hidup dalam sesebuah kampung hendaklah seperti aur dengan tebing. <i>↳ suka menolong</i></p>	<p>Flora menuliskan nilai yang diperolehinya berdasarkan kata kunci yang</p>
---	--

Rajah 8. Hasil kerja Flora untuk teknik ubah.

Berdasarkan hasil kerja yang ditunjukkan dalam Rajah 8, saya mendapati bahawa Flora dapat mengubah ayat atau kata kunci yang ditemui ke dalam bentuk nilai murni mengikut ayatnya sendiri. Walau bagaimanapun, jawapan yang diubahnya itu masih ada yang kurang sesuai. Dari aspek positif, Flora dapat mencari kata-kata kunci dan mengubahnya kepada perkataannya sendiri.

Teknik terakhir dalam rumus “BaBUT” ialah teknik tulis. Untuk teknik ini, Flora mestilah menulis semula ayatnya tersebut ke dalam bentuk karangan yang lengkap. Rajah 9 menunjukkan hasil kerja Flora untuk teknik tulis.

<p>Pengajaran yang saya peroleh daripada petikan di atas ialah <u>sombong</u> contohnya Pak Abu dan Mak Busu tidak mahu berkampur dengan masyarakat lain. Nilai seterusnya ialah sikap suka menyalang. Contohnya ketua kampung segera memberi bantuan. Di samping itu, ia juga masalah rumah. Contohnya Mak Busu pergi ke rumah banyuh dan rumah pawang. Tetapi mereka enggan menyalang.</p> <p>*Nyatakan 5 pengajaran!</p> <p style="text-align: right;">10/20</p>	<p>Hasilkarangan yang pertama dengan menggunakan rumus BaBUT</p>
---	--

Rajah 9. Hasil kerja Flora untuk teknik tulis (30 Mac 2012).

Berdasarkan Rajah 9, hasil penulisan karangan yang dibuat oleh Flora masih boleh diperbaiki. Walau bagaimanapun, saya mendapati bahawa Flora dapat menggunakan penanda wacana dalam ayatnya. Karangan yang dihasilkannya juga mengandungi isi-isi penting serta contoh yang relevan dalam petikan teks. Tetapi, ada juga isi atau nilai murni yang kurang sesuai telah Flora gunakan dalam karangannya. Hasil kerja yang ditunjukkan pada Rajah 9 merupakan latihan karangan pertama yang saya berikan kepada Flora.

Peringkat terakhir dalam langkah pelaksanaan tindakan saya ialah latihan karangan. Latihan karangan ini digunakan untuk menguji tahap pemahaman Flora terhadap konsep rumus “BaBUT” dan penggunaannya dalam menghasilkan karangan berkaitan nilai murni. Oleh kerana Flora tidak berjaya mendapat markah yang baik dalam latihan pertama, saya telah memberikan sedikit bimbingan untuk teknik “ubah” dalam latihan karangan kedua. Rajah 10 menunjukkan hasil kerja Flora untuk latihan karangan kedua.

<p>lima pengajaran yang saya peroleh daripada petikan di atas ialah memberi galakan supaya anak-anak berjaya dalam peperiksaan seperti Ayah Naim berjaya membeli kasut baru jika Naim mendapat tempat pertama dalam peperiksaan akhir tahun. Seterusnya ialah berani menyalang cabaran seperti Naim menentang cabaran ayahnya itu. Setelah itu pengajaran yang saya peroleh ialah sesungguhnya-sungguh membuat sesuatu seperti Naim berusaha sesungguhnya-sungguh untuk mencapai impiannya. Lain itu, nilai murni seterusnya ialah memenuhi permintaan seseorang seperti Ayah Naim akan memberikan hadiah. Akhir sekali ialah menghargai permintaan anak banyuh seperti Naim menghargai terima kasih kepada ayah.</p> <p style="text-align: right;">16/20</p>	<p>Hasilkarangan yang kedua dengan menggunakan rumus “BaBUT”</p>
---	--

Rajah 10. Hasil kerja Flora untuk latihan karangan kedua (5 April 2012).



Flora telah menunjukkan peningkatan dan berjaya mendapat markah yang baik dalam latihan karangan kedua ini. Oleh itu, saya telah memberikan latihan karangan yang ketiga dan tiada bimbingan diberikan. Rajah 11 menunjukkan hasil kerja Flora untuk latihan karangan ketiga.

	<p>Hasilkarangan yang ketigadengan menggunakan rumus sBaBUT</p>
--	---

Rajah 11. Hasil kerja Flora untuk latihan karangan ketiga. (12 April 2012).

Setelah melakukan semakan terhadap hasil karangan, ternyata Flora dapat menghasilkan karangan yang lebih baik daripada karangan dalam latihan pertama dan kedua. Perkembangan positif ini telah memberikan gambaran kepada saya bahawa Flora dapat mengaplikasikan penggunaan rumus BaBUT dalam menghasilkan karangan Bahagian C penulisan Bahasa Melayu UPSR.

- **Bagaimanakah penggunaan rumus BaBUT ini dapat membantu menambahbaik amalan pengajaran saya dari aspek meningkatkan kemahiran menulis karangan bahagian C murid?**

Saya berpendapat bahawa peserta kajian saya dapat memahami konsep rumus "BaBUT" dengan baik dan menggunakan rumus tersebut di dalam karangan. Penggunaan rumus ini dalam kaedah pengajaran karangan Bahagian C memberikan impak yang positif kepada Flora. Oleh itu, saya dapat menjalankan sesi p&p karangan berkaitan nilai-nilai murni dengan lebih sistematik. Temu bual saya bersama dengan Flora pada 12 April 2012 menunjukkan bahawa kaedah ini dapat membantu Flora menghasilkan karangan berkaitan nilai-nilai murni dengan lebih baik. (Sila rujuk Rajah 12)

<p>Saya Antara tiga karangan yang awak buat, mana karangan yang awak rasa paling baik?</p> <p>Flora Yang ni. (sambil menunjukkan kertas karangan ketiga)</p> <p>Saya Susah tak guna rumus BaBUT?</p> <p>Flora Tak. (sambil tersenyum)</p> <p>Saya Dalam ujian awak nak guna tak rumus ni?</p> <p>Flora Guna.</p> <p>Saya Kenapa?</p> <p>Flora Sebab senang nak ingat. (sambil tersenyum)</p>	<p>Flora memberikan respon yang positif terhadap soalan yang ditanya.</p>
--	---

Rajah 12. Temu bual bersama Flora (12 April 2012).

Sebagai individu yang menceburi profesion perguruan, saya mestilah sentiasa melakukan inovasi dalam sesi p&p kerana inovasi merupakan perkara yang dapat membantu memperbaiki setiap permasalahan yang wujud dalam sesi p&p. Inovasi dalam p&p yang dilakukan telah membantu saya dalam menambah baik amalan sendiri.

Sebelum saya memperkenalkan penggunaan rumus BaBUT kepada Flora, saya mendapati bahawa Flora tidak mempunyai kaedah yang khusus untuk menghasilkan karangan Bahagian C. Flora hanya bergantung kepada pengetahuan am semata-mata dalam menghasilkan karangan Bahagian C. Hal ini menyebabkan Flora kurang berjaya mendapat markah yang baik dalam penulisan karangan Bahagian C. Setelah memperkenalkan rumus tersebut kepada Flora, saya dapat melihat perkembangan positif dalam kemahiran menulis karangannya. Oleh itu, dengan adanya rumus atau teknik yang khusus untuk menulis karangan, maka proses untuk menghasilkan karangan akan menjadi lebih mudah.

## **REFLEKSI**

### **Refleksi Penilaian Tindakan**

Penggunaan rumus "BaBUT" dalam menghasilkan karangan berkaitan nilai-nilai murni telah dapat meningkatkan kemahiran mengarang Flora. Pelaksanaan tindakan yang dilakukan secara berperingkat telah banyak membantu Flora dalam meningkatkan kemahiran mengarang. Saya merasakan bahawa rumus ini dapat membantu Flora dalam menghasilkan karangan yang baik. Melalui penyelidikan tindakan ini, saya telah dapat menyelesaikan masalah dengan lebih sistematik setelah melakukan pelbagai langkah penyelidikan seperti melakukan pemerhatian serta menganalisis data sesuatu permasalahan. Oleh itu, penyelidikan tindakan ini dapat meningkatkan kemahiran saya dalam bidang yang saya ceburi.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Penyelidikan tindakan ini merupakan satu proses yang telah dapat membuka minda dan dimensi baharu dalam diri saya sebagai individu yang menceburi profesion perguruan. Melalui penyelidikan tindakan, saya dapat menyelesaikan sesuatu masalah pembelajaran dengan lebih sistematik dan terancang. Tambahan pula, inovasi yang dilakukan dapat diuji tahap keberkesanannya. Hal ini membolehkan saya untuk memilih atau memodifikasi teknik pengajaran dan amalan pengajaran dan pembelajaran supaya dapat disesuaikan dengan tahap murid-murid.

Selain itu, saya dapat memahami dengan lebih mendalam tentang konsep pembelajaran sepanjang hayat yang patut diamalkan dalam profesion perguruan. Setiap permasalahan yang dihadapi merupakan medium pembelajaran yang berkesan kerana saya dapat belajar melalui pengalaman serta pemikiran reflektif yang dilakukan. Perkara ini sekaligus akan dapat membantu saya menambahbaik amalan profesional. Secara keseluruhannya, saya akan cuba untuk mengimplementasikan pelaksanaan dalam penyelidikan tindakan ini dalam sesi p&p pada masa hadapan. Saya akan menambahbaik strategi pelaksanaan memandangkan bahawa setiap murid adalah unik dan mempunyai tahap kecerdasan yang berlainan. Oleh itu, pengubahsuaian akan saya lakukan mengikut kesesuaian keadaan.

### **Cadangan Untuk Kitaran Seterusnya**

Sekiranya saya ditempatkan di sekolah yang sama kelak, saya akan memberikan had masa untuk menghasilkan latihan karangan tersebut. Hal ini kerana dalam peperiksaan UPSR, hanya 20 minit diperuntukkan untuk menjawab soalan tersebut. Sekiranya saya ditempatkan di sekolah yang berlainan, saya akan mempelbagaikan latihan berperingkat memandangkan setiap murid mempunyai tahap pencapaian yang berbeza.

### **Rujukan**

Assrudi Musa. (2010). Meningkatkan kemahiran mengarang berkaitan dengan nilai-nilai murni murid tahun empat melalui kaedah pelan maklumat. *Buku Koleksi Penyelidikan Tindakan Bahasa Melayu IPGM KBL Tahun 2010*, 204-214.

Fatimah Binti Embong. (2008). *Cara mengulas nilai murni atau pengajaran daripada petikan*. Diperoleh pada 18 November 2012 dari <http://ppdkualalangat.gov.my/id= 47.pdf>